

12 SEP 1998

PERSATUAN BEKAS PERAJURIT MENYOKONG KEPIMPINAN DR MAHATHIR

MELAKA, 12 Sept (Bernama) -- Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBM) menyatakan sokongan penuh atas kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu semasa berhubung pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Presiden PBM, Lt Kol (B) Zakaria Mohd Yusof hari ini berkata 175,000 anggota persatuan itu sentiasa berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan Dr Mahathir.

"Kita tahu apa yang dilakukan oleh Dr Mahathir sebagai Ketua Negara adalah untuk kebaikan dan bukan sebaliknya," katanya kepada pemberita selepas Perasmian Persidangan Perwakilan PBM Bahagian Negeri Melaka kali ke-23, di sebuah hotel, di sini.

Persidangan itu dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan turut hadir di majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian Negeri Datuk Ahmad Hamzah yang juga Yang Dipertua PBM Bahagian Melaka.

Zakaria berkata Dr Mahathir telah menaikkan serta meletakkan maruah serta keutuhan negara pada peringkat tertinggi dan PBM tidak mahu melihat pihak tertentu mengambil kesempatan untuk mengkuar-kacirkan negara.

-- BERNAMA

NO PR